

15/03/2003

Pakej diumumkan 7 April

PAKEJ rangsangan ekonomi tambahan yang bertujuan mengekalkan kesinambungan ekonomi negara dalam keadaan kebimbangan krisis di Iraq dijangka diumumkan pada 7 April.

Sumber berkata, pengumuman pakej itu yang sebelum ini dijadualkan pada akhir Mac, ditangguhkan ke tarikh itu kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang bercuti.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan kini bercuti dan beliau dijangka membuat pengumuman itu pada minggu pertama April ini untuk mengumumkan pakej berkenaan sebelum menyambung cutinya.